

# Kesederhanaan Pak Lah penawar cemerlang

Oleh Ziauddin Sharuddin

## Analisis pilihan raya Negeri Sembilan

**NEGERI** Sembilan terus kekal sebagai kubu kuat Barisan Nasional (BN) meskipun imej itu sedikit tercalar berikutan kegagalan mempertahankan rekod kemenangan 100 peratus yang dicapai pada pilihan raya umum lalu.

Kali ini, BN menguasai 34 daripada 36 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dan semua lapan kerusi Parlimen.

Prestasi keseluruhan BN menunjukkan hanya satu daripada 34 kerusi DUN yang menang mencatatkan penurunan undi majoriti, iaitu di DUN Pertang dalam Parlimen Jelebu.

Datuk Abdul Razak Mansor, mendapat majoriti 2,727 undi dalam Pilihan Raya Umum 1999, tetapi kali ini merosot sedikit kepada 2,094 undi.

Di kawasan DUN lain dan Parlimen, bilangan undi yang diterima

calon BN meningkat mendadak, sekali gus mencerminkan keyakinan rakyat terhadap kemampuan BN mentadbir kerajaan.

Sebagai contoh, undi majoriti kepada Datuk Shaziman Abu Mansor di Parlimen Tampin, meningkat hampir 100 peratus daripada 9,979 undi pada pilihan raya lalu kepada 18,084 undi dalam pilihan raya kali ini.

Begitu juga di DUN Klawang dalam Parlimen Jelebu yang sebelum ini hanya menang dengan kelebihan 69 undi, tetapi kali ini, calon BN, Jalaluddin Alias, meraih kelebihan 1,308 undi.

Apakah yang menyebabkan kemenangan BN di Negeri Sembilan kali ini, lebih berkualiti?

Antara faktor utama ialah perubahan pada peringkat nasional apabila dasar baru pentadbiran Perdana

Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, memberi penekanan terhadap aspek membanteras rasuah dan mewujudkan sistem pentadbiran yang telus, diterima rakyat.

Di Negeri Sembilan, rakyat menyambut baik dasar itu dan ini ditambah pula dengan keperibadian Perdana Menteri yang sederhana dan berlatarbelakangkan agama.

Selain itu, hampir tiada isu besar yang boleh digunakan pembangkang walaupun Pesuruhjaya Pas Negeri Sembilan, Dr Rosli Yaakop, yang tewas di Parlimen Jelebu dan DUN Parol, berkata ada banyak isu di negeri ini.

Ketiadaan isu besar menyebabkan serangan peribadi terhadap calon BN berlaku seperti isu 'orang tempatan, orang luar' yang dihadapi Menteri

Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, di Parlimen Jempol.

Meskipun hebat dimainkan pembangkang, isu itu gagal memberi kesan besar kerana arus 'Gelombang Biru' terlalu deras untuk ditahan parti pembangkang kali ini.

Bagaimanapun, kekalahan BN di DUN Bahau dan Lobak perlu diberi perhatian serius, terutama oleh MCA, parti yang mereka wakili.

Penyandang DUN Bahau, Datuk See Ah Kow, tewas kepada Lim Fui Ming dari DAP dengan majoriti 2,842 undi. Di DUN Lobak, Khoo Seng Hock sebagai penyandang, tewas kepada calon DAP, Loke Siew Fook, dengan majoriti 1,812 undi.

Di Lobak, Loke yang juga Setiausaha Pemuda DAP Kebangsaan, berkempen dengan slogan 'Orang Baru, Harapan Baru' berjaya menawan hati pengundi.

Beliau yang berumur 27 tahun ber-

giat aktif di Seremban, terutama DUN Lobak sejak empat tahun lalu dan amat dikenali pengundi sebagai personaliti berorientasikan perkhidmatan.

Khoo pula dikatakan gagal menyelesaikan banyak masalah di situ menyebabkan pengundi menolaknya.

Di DUN Bahau, isu Sekolah Menengah Chi Wen, menghantui calon BN, See, yang dikatakan tidak membantu menyelesaikan isu itu yang penting bagi masyarakat Cina di situ.

Pengundi Cina dikatakan marah apabila sebahagian tanah sekolah diambil untuk dimajukan sebagai projek komersial. Tanah sekolah itu yang bertaraf TOL tamat baru-baru ini.

Bagaimanapun, isu itu dieksploitasi DAP untuk meraih undi simpati pengundi Cina dan terbukti apabila semua kawasan mengundi yang majoriti Cina berpihak kepada pembangkang.